

25/04/2000

Usahawan Bumiputera patut korbankan nilai tidak baik

Rahman Hashim

PERINGATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beberapa kuasa asing sedang berusaha menggagalkan proses pemulihan ekonomi Bumiputera, sewajarnya menyedarkan semua pihak yang `alpa', selepas negara melepasi kegawatan ekonomi.

Walaupun gagal mengambil kesempatan daripada krisis ekonomi tempoh hari, pihak asing masih meneruskan usaha untuk menawan ekonomi Malaysia, tetapi dengan jalan yang lebih halus, kata Perdana Menteri.

Pihak asing sedang mengumpulkan `bala tentera' mereka melalui penyatuan beberapa syarikat gergasi mereka dan atas nama proses globalisasi, mereka akan cuba meranapkan syarikat dan bank tempatan sehingga mampu menembusi sempadan negara.

Dalam hal ini, rakyat sepatutnya bersyukur kerana masih mempunyai sebuah kerajaan yang dapat `membaca' segala pergerakan musuh yang sentiasa berniat jahat terhadap negara.

Keprihatinan Dr Mahathir terhadap ancaman luar, sebenarnya menjadi penghalang utama kepada pihak asing meneruskan agenda tersembunyi mereka. Selepas gagal menggugat kedudukan Perdana Menteri dengan menjadikan beberapa kerat rakyat tempatan sebagai `robot' bagi melaksanakan pelbagai demonstrasi jalanan atas nama reformasi, mereka kini cuba melemahkan ekonomi Bumiputera.

Seperti yang diketahui, sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970, iaitu selepas tamatnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969, orang Melayu terus didedahkan kepada peluang perniagaan.

Sebelum ini, dasar pecah dan perintah yang diamalkan penjajah Inggeris, termasuk mengkhususkan orang Melayu dengan sektor pertanian, masyarakat Cina dengan perniagaan dan penduduk India dengan perladangan, menyebabkan timbul perasaan tidak puas hati di kalangan orang Melayu sendiri.

Selepas beberapa tahun DEB diperkenalkan, hasilnya sudah dapat dilihat sekarang apabila ramai pengusaha Bumiputera mampu bergelar jutawan dan memiliki beberapa firma gergasi, sama ada di dalam atau di luar negara.

Bagaimanapun, krisis ekonomi yang melanda negara pada 1997 dan 1998, menyebabkan banyak syarikat Bumiputera yang tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh, terpaksa gulung tikar.

Rakyat negara ini bernasib baik kerana kecekapan kerajaan menangani masalah ini, menyebabkan ramai peniaga Bumiputera mampu bernafas semula selepas mendapat suntikan baru dalam bentuk pinjaman daripada kerajaan atau sektor perbankan.

Kejayaan kepemimpinan Dr Mahathir membawa keluar negara dari kemelut ekonomi itu, menyebabkan banyak kuasa asing, tidak senang duduk malah ada yang terus menyimpan perasaan `dendam' terhadapnya.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya sedar Perdana Menteri tidak akan mampu menghadapi pelbagai ancaman luar jika beliau berjuang seorang diri atau tidak mendapat sokongan padu rakyat. Dalam kata lain, jika rakyat terus bersatu, sampai bila pun usaha pihak luar untuk menggugat pentadbiran atau ekonomi negara, tidak akan berjaya.

Sebagaimana kata Perdana Menteri kecenderungan pihak asing melabelkan sebarang pemulihan sebagai tindakan menyelamat, jelas menunjukkan mereka ingin melihat semua syarikat Bumiputera, kecil dan besar, berkubur. Malah usaha atas nama globalisasi atau dunia tanpa sempadan boleh menggugat kedaulatan kebangsaan sesebuah negara.

Rakyat juga seharusnya sedar, sungguhpun kuasa asing melalui Tabung Mata

Wang Antarabangsa (IMF) gagal menjejaskan kedudukan negara seperti yang dapat dilakukan di Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, mereka tidak akan mudah mengaku kalah.

Kalau dulu mereka melakukan serangan dengan menurunkan nilai ringgit, kali ini mereka boleh menggunakan beberapa firma gergasi yang digabungkan menjadi satu, bagi memastikan rancangan penguasaan mereka akan berjaya.

Melalui gabungan ini, kita boleh menjangka beberapa tindakan yang akan dilakukan menghalang usaha kerajaan daripada terus memulihkan ekonomi Bumiputera.

Antaranya ialah menyekat beberapa pengaliran teknologi baru, menghalang atau membatalkan beberapa projek usaha sama yang dimeterai dengan firma tempatan dan menawarkan harga yang lebih tinggi bagi sesuatu tender sehingga firma Bumiputera tidak mampu bersaing.

Oleh itu, amaran yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, sepatutnya menjadi panduan kepada usahawan Bumiputera. Mereka perlu memberi sokongan padu kepada kerajaan serta sanggup 'berkorban', iaitu mengorbankan segala nilai yang tidak baik seperti iri hati, mudah kecewa dan malas, yang sering dilabelkan kepada masyarakat Melayu.

Malah, usahawan Bumiputera juga sepatutnya tidak mengharap lagi bantuan sepenuhnya daripada kerajaan kerana jika ini terus diamalkan, mereka akan menjadi lemah dan sukar berdikari atau daapat membuat keputusan bijak bila menghadapi sesuatu masalah.

Oleh itu, selepas mengambil langkah berjaga-jaga, rakyat harus mengambil sikap lebih berhati-hati dan sentiasa berdoa supaya usaha pihak asing untuk terus melemahkan ekonomi negara, khususnya ekonomi Bumiputera, tidak akan berjaya.

Malaysia memerlukan pemimpin yang berani berjuang untuk menghadapi sebarang ancaman.

Di dalam Islam, pemimpin bukanlah setakat ulama yang berjubah dan berserban serta mengajar di masjid saja, tetapi perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Dalam kata lain, seseorang pemimpin boleh menjadi ulama tetapi seorang ulama belum tentu boleh menjadi seorang pemimpin yang baik.

(END)